

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

07 SEPT 2016

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	PUPUK MINAT USAHAWAN	2
SINAR HARIAN	KERAJAAN JOHOR PERKENAL APLIKASI SELENGGARA JALAN KAMPUNG	3



SINAR HARIAN

Sff 7ca/16

Pupuk minat usahawan

PASIR GUDANG – Kemahiran keusahawanan bukan lagi kemahiran sampingan, sebaliknya sudah menjadi satu keperluan sebagai jaminan masa depan kepada graduan.

Menyedari keperluan itu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Pasir Gudang menganjurkan 3rd Tinker Innovation and Entrepreneurship Challenge (TIEC) yang disertai 36 institusi pengajian tinggi (IPT) dan sembilan sekolah sekitar daerah Pasir Gudang.

Penasihat Program, Nur Dalila Khirul Ashar berkata, program dijalankan untuk memupuk semangat keusahawanan, selain melahirkan graduan yang bukan sahaja mantap dari segi pencapaian akademik, tetapi juga mahir dalam kemahiran insaniah.

Menurutnya, pencapaian akademik cemerlang bukan jaminan untuk mendapat pekerja-

an, sebaliknya kemahiran keusahawanan boleh mencipta peluang pekerjaan sendiri yang akan menjadi sumber pendapatan untuk kelangsungan hidup.

"Ini sebagai persediaan membantu bagi memastikan para graduan UiTM bersedia untuk dilamar majikan sama ada dalam atau luar negara," katanya pada Majlis Perasmian Penutup TIEC di UiTM Kampus Pasir Gudang Bandar Seri Alam, di sini, kelmarin.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad, manakala Majlis Penyampaian Hadiah disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Dr Nurhanie Kasuan dan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Kimia, Dr Ahmad Rafizan Mohamad Daud.



Pengarah Program, Muhammad Hamizan Harrun (kanan) mengiringi Dr Ahmad Rafizan (dua, kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang TIEC, kelmarin.



SINAR HARIAN

SH 7/9/16

Kerajaan Johor perkenal aplikasi selenggara jalan kampung

ISKANDAR PUTERI - Johor memperkenalkan aplikasi JKg.J bagi meningkatkan lagi kerjasama pihak berkaitan termasuklah wakil rakyat berhubung soal penyelenggaraan jalan-jalan kampung di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya negeri, Datuk Ir Hasni Mohammad berkata, aplikasi itu membolehkan wakil rakyat terlibat secara langsung dalam penentuan jalan-jalan kampung untuk diselenggarakan.

"Aplikasi ini akan membolehkan wakil-wakil rakyat melihat senarai jalan-jalan untuk dilaksanakan (penyelenggaraan) dan sekiranya bersetuju, bolehlah dinyatakan dalam aplikasi tersebut."

"Sekiranya mereka tidak bersetuju dan ingin mencadangkan nama jalan lain, maka melalui aplikasi ini juga wakil rakyat tersebut bolehlah menyatakan jalan-jalan cadangan lain yang difikirkan lebih wajar untuk diselenggarakan," katanya selepas Majlis Pra-Perasmian Aplikasi JKg.J 2016 yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Kota Iskandar, di sini, semalam.

Hasni berkata, kerajaan negeri memerlukan kerjasama wakil-wakil rakyat di negeri ini supaya aplikasi itu dapat dimanfaatkan apabila dilaksanakan pada awal Oktober nanti.

"Sepanjang September, Kerajaan Johor bersama pihak berkaitan mengemas kini data-data melibatkan semua daerah di Johor



Hasni menunjukkan buku penerangan mengenai aplikasi JKg.J.

bagi melengkapkan senarai jalan kampung.

"Aplikasi berkenaan akan dapat memaksimumkan penggunaan peruntukan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri bagi penyelenggaraan jalan-jalan," katanya.

Katanya, Kerajaan Johor menerima RM493 juta (tahun 2013), RM531.23 juta (tahun 2014), RM543.85 juta (tahun 2015) dan RM380.7 juta (setakat Ogos 2016) untuk menyelenggarakan jalan-jalan kampung, jalan-jalan negeri dan jalan-jalan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Setiap tahun ada peningkatan jumlah wang Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (Marris) yang kita terima daripada kerajaan persekutuan untuk menyelenggarakan jalan kampung, jalan negeri dan jalan PBT. Kita berhasrat untuk meningkatkan peruntukan ini setiap tahun," katanya.

